

# Kesan peningkatan harga minyak terhadap kos operasi amat kecil

# PM: Jangan naikkan tambang

9 NOV 2001

Oleh ASUKI ABAS, ISMAIL DAUD  
dan ABDUL HAMID MOHAMAD

**K**UALA LUMPUR 2 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pihak-pihak berkenaan supaya tidak menaikkan tambang pengangkutan awam dan harga barangan kerana kesan peningkatan harga minyak terhadap kos operasi adalah amat kecil.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah membuat kajian mengenai kesan harga minyak terutamanya terhadap industri pengangkutan dan mendapati kenaikan 10 sen seliter petrol dan diesel hanya menambahkan antara 0.8 peratus hingga 1.6 peratus sahaja daripada kos yang berkenaan.

“Perbelanjaan bagi operasi bas bukannya seratus peratus (bergantung kepada) minyak tetapi juga kakitangan, konduktor, pemandu, tayar dan sebagainya.

“Komponen petrol paling banyak pun antara 10 hingga 20 peratus sahaja (daripada kos), bermakna kenaikan 10 sen atau 8 peratus itu cuma 0.8 peratus hingga 1.6 peratus kos, (maka) tidak ada sebab dia nak naikkan harga,” kata Perdana Menteri.

## Peniaga

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Menurut Perdana Menteri, adalah menjadi kebiasaan bagi para peniaga untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan selaras dengan peratusan kenaikan minyak sedangkan kesan sebenar adalah amat kecil.

“Biasanya bila kita naikkan lima peratus, dia pun naik sama semua barang lima peratus, tetapi bila kita turunkan lima peratus dia tidak pula turunkan kerana katanya stok lama,” jelasnya.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa kesal terhadap kecenderungan pelbagai pihak termasuk media yang terlalu menumpukan kepada kenaikan harga minyak

# PM: Jangan naikkan tambang

sedangkan terdapat banyak faedah lain yang diberikan dalam Belanjawan 2002.

"Berilah analisis yang adil juga terhadap semua faedah yang kita berikan kerana untuk sebuah negara membelanjakan wang yang agak banyak kepada rakyatnya dalam suasana kemelesetan, ia adalah satu pencapaian yang agak besar.

"Jadi tolong hargai perkara ini," tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun kerajaan berhasil menjimatkan subsidi minyak antara RM300 juta hingga RM400 juta daripada RM1.4 bilion setahun ekoran kenaikan 10 sen itu, beberapa bilion ringgit telah diberikan kepada rakyat dalam bentuk pemberian potongan dan pengecualian cukai, bonus dan kenaikan gaji.

"Kita berikan bonus setengah bulan serta 10 peratus kenaikan gaji dan kita kena ingat bahawa pada tahun 2000 gaji telah dinaikkan sebanyak 10 peratus juga.

"Kenaikan gaji ini adalah berdasarkan kadar berganda, tetapi apa yang kita dengar pada hari ini hanyalah sungutan mengenai kenaikan harga minyak yang hanya lapan peratus sahaja daripada harga petrol," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah masih diberikan keutamaan dengan pemberian bonus minimum RM1,000 bagi mereka yang bergaji kurang daripada RM2,000 sebulan.

"Jadi kalau kakitangan itu bergaji RM1,000 sebulan, dia seolah-olah dapat bonus sebulan gaji manakala yang bergaji RM500, dia dapat bonus dua bulan," katanya.

Bagi pekerja swasta pula, kerajaan mengurangkan cukai kepada 28 peratus daripada 29 peratus dan menaikkan kadar pelepasan cukai sehingga lebih ramai lagi rakyat yang tidak perlu membayar cukai.

Menurut Dr. Mahathir, terdapat juga golongan berpendapatan tinggi yang mendakwa terpaksa membelanjakan wang petrol yang terlalu banyak berikutan kenaikan itu sedangkan ia tidak menjejaskan pendapatan mereka langsung.

"Kalau mereka belanja RM500 untuk beli minyak satu bulan, lapan peratus hanyalah RM40 jadi mereka terpaksa belanja lebih sebanyak RM40 sedangkan kerajaan memberi setengah bulan gaji tambahan kepada mereka.

"Untuk dua bulan dalam tahun ini mereka terpaksa belanja tambahan sebanyak RM80, tetapi setengah bulan (bonus) bagi mereka yang berpendapatan sehingga RM10,000 ialah RM5,000 manakala mereka yang berpendapatan RM5,000 dapat RM2,500," katanya.

Perdana Menteri menambah, kenaikan harga minyak itu adalah satu bahagian yang cukup kecil berbanding tambahan gaji dan bonus yang diterima pada tahun ini.

"Tahun ini daripada bonus manakala tahun depan daripada kenaikan gaji sebanyak 10 peratus, jadi dapat 1.2 bulan tambahan pendapatan.

"Jadi perbelanjaan untuk minyak tak akan telan semua tambahan gaji yang dia dapat," kata beliau.